

# Integriti halal perlu diperkasa

Populasi penduduk Islam sedunia dianggarkan mencecah 2.2 billion pada 2030. Muslim dituntut memajukan industri halal, sejajar dengan pertumbuhan penduduk dan permintaan terhadap produk halal global.

Nilai pasaran halal yang dijangka meningkat RM2 trilion (AS\$547 billion) setahun, menjadi sumber tarikan utama pengusaha produk halal.

Ada pelbagai produk dan perkhidmatan halal untuk pengguna Islam dan bukan Islam, termasuk makanan, minuman, bahan tambahan makanan, kosmetik, ubat, vaksin, makanan haiwan, logistik dan kewangan Islam.

Kini, pelbagai persoalan timbul berhubung status halal produk atau perkhidmatan.

Produk halal tidak semestinya berkualiti, selamat dan suci (toyyib). Konsep halal juga bukan sahaja tertumpu kepada bahan mentah tetapi erti lebih luas.

Konsep halal bermula apabila pembekal mengagihkan bahan mentah kepada pengeluar sehinggalah produk siap diproses untuk dimakan atau digunakan.

Isu status halal sering timbul apabila tiada pengasingan secara fizikal antara produk halal dan haram, terutama semasa proses pengangkutan, penyimpanan dan

pengendalian di sepanjang rantaian bekalan makanan.

Oleh kerana proses produk semakin rumit bagi memenuhi permintaan tinggi pengguna, sering kali integriti halal diabaikan walaupun pengeluar, pengangkut, pengendali dan pengguna dibantu oleh kecanggihan teknologi serta keprihatinan masyarakat terhadap apa dimakan atau digunakan.

Majoriti pengguna Islam kini berpengetahuan tinggi dan mengambil berat status halal. Pengguna Islam juga menekankan kebersihan, keselamatan dan kesucian (toyyib) sesuatu produk.

Namun, pelbagai isu yang timbul pada hari ini menyebabkan masyarakat keliru dan sangsi terhadap status halal.

Pelbagai laporan dikeluarkan berkaitan keraguan status halal sesuatu produk dan pengguna semakin terdedah dengan produk yang disyaki dicampur dengan unsur haram di sisi Islam.

Masyarakat Islam di negara ini juga dikejutkan dengan isu penggunaan logo halal palsu pada produk makanan, kesihatan dan juga di restoran sehingga boleh meragukan pengguna.

Perkara ini seharusnya tidak dipandang ringan atau remeh. Pengguna akan mengambil tindakan lebih berhati-hati dalam

mendapatkan sesuatu produk makanan dan juga produk kegunaan harian.

## Patuhi prinsip syariah

Oleh itu, selain adanya logo halal bagi meyakinkan pengguna bahawa produk itu berkualiti, bersih, suci dan selamat untuk dimakan atau digunakan, pengeluar juga seharusnya mempunyai integriti halal yang tinggi dalam memastikan produk adalah halal toyyiban ketika proses pengeluaran, penghantaran, penyimpanan, pengendalian sehinggalah kepenggunaan dengan mematuhi prinsip syariat Islam.

Hasil penemuan penyelidikan pengurusan produk halal mendapati, integriti halal sesuatu produk boleh dijamin daripada pelbagai aktiviti dalam rantaian bekalan makanan.

Semua syarikat pengeluar makanan dan barang kegunaan harian yang disahkan halal bukan sahaja perlu memberi tumpuan kepada bahan pengeluaran mereka tetapi juga penting bagi mereka untuk memberikan tumpuan terhadap keseluruhan rantaian bekalan makanan termasuklah pengangkutan, penyimpanan dan pengendalian yang mematuhi hukum syariat Islam serta keperluan pasaran sasaran mereka.

Pendekatan ini akan memberi

jaminan kepada pengeluaran produk halal toyyiban di sepanjang rantaian bekalan makanan, bermula di peringkat awal sumber bahan mentah diagihkan kepada pengeluar sehinggalah sampai kepada pengguna akhir.

Tambahan pula, ia boleh membina semula keyakinan pengguna terhadap pemain rantaian bekalan makanan yang lebih berintegriti. Tumpuan utama rantaian bekalan makanan halal ialah untuk mengelakkan pencemaran antara halal dan haram.

Hal ini sangat penting bagi mewujudkan kepercayaan serta keyakinan dalam kalangan pengguna yang memerlukan jaminan lebih tinggi untuk apa yang mereka makan ataupun guna.

Lebih penting, integriti halal sudah menjadi salah satu kejayaan utama bagi keseluruhan pemain industri halal. Oleh itu, memperkasa integriti halal melalui rantaian bekalan makanan halal oleh pemain industri halal akan dapat membantu pihak berkaitan dalam memantau, memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai garis panduan produk makanan halal yang sebenar mengikut syariat Islam selaras hasrat kerajaan yang ingin menjadikan Malaysia sebagai pusat hab halal global pada 2020.

## Komentari



**Prof Madya  
Dr Nitty Hirawaty  
Kamarulzaman**

**Penyelidik** di Institut Penyelidikan Produk Halal Universiti Putra Malaysia (UPM)